

09/07/2003

Tuah angka 88 terletak pada kualiti calon pilihan raya

Khairul Anwar Rahmat

BAGI masyarakat Cina, angka lapan membawa `ong' atau tuah. Orang Melayu, India, Serani dan kaum lain juga seolah-olah terpengaruh dengan kepercayaan ini. Maka, ramailah antara kita sering menggunakan nombor lapan dalam kehidupan seharian, terutama pada nombor pendaftaran kenderaan.

Dengan harapan mendapat tuah, ramai juga terutama ahli perniagaan yang sanggup membelanjakan berpuluh ribu ringgit untuk mendapatkan nombor 8, 88, 888 atau 8888 yang ditender oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Kini, orang politik juga mengharap tuah daripada nombor lapan.

Dewan

Rakyat baru saja meluluskan 88 kerusi baru untuk dipertandingkan pada peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (pindaan) 2003 yang diluluskan itu bakal menyaksikan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi DUN baru

boleh ditandingi di seluruh negara.

Yang muda, lama, pemimpin bahagian, Pemuda, Wanita, Puteri, ahli biasa, tokoh korporat, ahli akademik, tokoh masyarakat atau sesiapa saja berpeluang menduduki kerusi Parlimen yang bakal bertambah daripada 194 kepada 219. Begitu juga dengan kerusi DUN yang meningkat daripada 442 kerusi kepada 505 kerusi.

Kini, cakap-cakap politik mengenai angka 88 dan tuah si polan bakal menjadi Yang Berhormat (YB) sudah mula kedengaran. Khabar angin kononnya wakil rakyat sedia ada akan dikekal atau digugurkan pada pilihan raya umum

akan datang juga semakin hangat dibualkan sama ada di kedai kopi penjuru kampung atau pun di coffee house di bandar.

Mengambil kira perubahan suhu politik negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi segera mengingatkan semua pihak yang bercita-cita menjadi calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Katanya, pemilihan calon BN berasaskan sumbangan terhadap parti, prestasi dan tempoh perkhidmatan kepada parti.

Atas kapasitinya sebagai Timbalan Pengerusi BN dan Timbalan Presiden Umno, Pak Lah menegaskan bahawa pucuk pimpinan parti tidak akan melayan sebarang usaha sama ada secara berkempen atau melobi secara tiba-tiba sebagaimana yang sering berlaku sebelum ini.

Pemerhati politik berpendapat, asas yang digariskan Pak Lah dalam menentukan calon pilihan raya BN itu kena dan tepat pada masanya. Rakyat marhain dan majoriti senyap pengundi juga sudah pasti bersetuju dengan saranan Pak Lah.

Rasanya tidak sukar untuk memahami rasional di sebalik ingatan sedemikian. Hanya mereka yang ikhlas berkhidmat terbukti berjaya dan mempunyai stamina untuk terus berjuang demi rakyat.

Pemimpin yang mempunyai kualiti sebegini rajin turun padang, bertemu dengan akar umbi, menyuarakan masalah rakyat dan melakukan segala-galanya

bagi memastikan sokongan padu terhadap BN berterusan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob antara pemimpin Umno yang segera menyahut ingatan Pak Lah berhubung calon pilihan raya akan datang.

Diingati sebagai antara pemimpin Umno yang lantang, beliau seterusnya memberi `amaran' bahawa wakil rakyat yang mengamalkan gaya hidup mewah akan dikecualikan dalam pemilihan calon pada pilihan raya depan. Dengan lebih terperinci, Adnan mengakui ada YB di Pahang yang mengamalkan gaya hidup melampau sehingga menimbulkan rasa meluat di hati rakyat.

Takrifan Adnan mengenai `melampau' ialah menunjuk-nunjuk kemewahan terutama yang boleh dilihat dengan mata kasar seperti memiliki tiga atau empat kereta mewah.

Ingatan Pak Lah dan amaran Adnan boleh dijadikan panduan atau setidaknya pedoman kepada mereka yang mengharapkan tuah 88 pada pilihan raya akan datang.

Mutu perkhidmatan, jasa kepada rakyat, setia kepada parti, kekuatan peribadi dan kesanggupan turun ke akar umbi sewajarnya menjadi kriteria utama dalam pemilihan calon BN akan datang.

Ketua Penerangan Umno Negeri Johor, Datuk Mohamed Khaled Nordin berpendapat saranan Pak Lah itu demi kebaikan rakyat dan keutuhan BN.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak bermakna orang muda tidak akan dipertimbangkan sama sekali sebagai calon tetapi dengan syarat mereka mestilah menepati kriteria yang digariskan.

"Saya percaya Umno tidak akan menetapkan tempoh tertentu (lama berkhidmat kepada parti) sebelum melayakkan seseorang dipilih sebagai calon.

"Saya yakin, orang muda juga akan diberi peluang jika dapat membuktikan

komitmen, sokongan ahli parti, sokongan rakyat, rekod perkhidmatan cemerlang dan kelulusan akademik yang baik," katanya.

Mengulas lanjut, beliau yang mula dilantik Setiausaha Politik Menteri ketika berusia sekitar 20-an menjelaskan tokoh muda yang mencapai standard ini akan menggantikan wakil rakyat yang gagal memenuhi aspirasi parti dan masyarakat.

Tetapi, tegasnya lagi, hanya pemimpin pelapis yang mempunyai rekod terbaik ketika memimpin parti serta mempunyai peluang cerah untuk menang saja yang perlu diberi peluang bertanding dalam pilihan raya.

"Kalau setakat pegang jawatan dalam parti tetapi tidak buat apa-apa (untuk parti dan rakyat), maknanya dia tidak cukup syarat untuk dipertimbangkan (sebagai calon)," katanya.

Berikutan persempadanan semula, Johor mendapat tambahan enam kerusi Parlimen; Sabah dan Selangor (masing-masing lima); Pahang (tiga); Pulau Pinang (dua) dan masing-masing satu bagi Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka.

Bagi kerusi DUN, tambahan kerusi ialah Johor sebanyak 16 kerusi, Sabah (12), Selangor (lapan), Perak dan Pulau Pinang (masing-masing tujuh), Negeri Sembilan dan Pahang (masing-masing empat), Melaka (tiga) dan Kelantan (dua).

Sehubungan itu, dengan pertambahan 88 kerusi itu, amat wajar ingatan

demikian ingatan, saranan demikian saranan serta amaran demikian amaran ditujukan kepada pihak yang ingin menjadi calon BN dalam pilihan raya akan datang.

Rakyat tentu akan menolak jika BN mencalonkan individu yang lemah sama ada dari aspek daya kepemimpinan, mutu perkhidmatan, peribadi dan paling penting, sumbangannya kepada masyarakat.

Kita tidak perlukan wakil rakyat yang hanya pandai melaungkan retorik kosong dan 'menjual' nama BN sebagai parti yang kuat dan berjaya, sedangkan dia sendiri tidak mencerminkan perkhidmatan mesra, bersih, cekap dan amanah.

Pemimpin seperti ini perlu 'divakumkan' daripada senarai calon pilihan BN pada pilihan raya umum akan datang kerana mereka hanya memberi beban kepada parti.

Tindakan tegas ini perlu diambil dan tidak boleh dianggap keterlaluan memandangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri berulang kali menyatakan rasa kesalnya terhadap segelintir wakil rakyat yang gagal melaksanakan amanah seperti yang sepatutnya.

Sejak awal tahun ini, Perdana Menteri sentiasa mengingatkan wakil rakyat supaya bangkit atau bersedia tempat mereka diganti oleh calon lain yang lebih bersungguh-sungguh dan menunjukkan iltizam tinggi untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Sambil menegur beberapa contoh perlakuan YB yang tidak disenanginya, beliau menggesa wakil rakyat BN bekerja lebih kuat serta meninggalkan amalan yang menyebabkan rakyat meluat, seterusnya menolak BN dalam pilihan raya.

Sebagai pemimpin tertinggi parti, Dr Mahathir selayaknya memberi amaran sedemikian kerana mahu BN terus mempertahankan tradisi membela rakyat. Hanya wakil rakyat yang berkesan dan memiliki ciri seorang pejuang seperti di atas yang mampu meneruskan kesinambungan pemerintahan BN.

Mereka yang bercita-cita peribadi dan tidak menepati syarat sebagai wakil rakyat BN kini boleh melupakan hasrat untuk beristirahat di kerusi empuk YB.

Hanya mereka yang sanggup memerah keringat dan menggunakan sepenuhnya tulang empat kerat yang perlu dipertimbangkan sebagai calon BN.

Tempoh Parlimen dan kerajaan sekarang berakhir pada Disember 2004 dan pilihan raya umum perlu diadakan sebelum Disember tahun depan. Angka 88 hanya akan membawa tuah kepada individu yang memenuhi segala ciri unggul sebagai pemimpin dan layak diangkat sebagai jurubicara masyarakat.